



di sebalik mitos

Tradisi perkahwinan hantu

KOSMO 24/8/14 MS 15.

Masyarakat Cina percaya lelaki yang mati sebelum berkahwin tidak akan masuk syurga.

PENGANTIN lelaki, Yee San kelihatan tampan mengenakan sut hitam manakala pasangannya, Lee Lean Hua cantik dalam sepersalinan gaun putih.

Kedua-dua mempelai yang diraikan dalam upacara tradisional di Poik Poh Temple di Bukit Panchor dekat Nibong Tebal, Pulau Pinang itu bagaimanapun mengundang kesedihan dalam kalangan saudara-mara yang hadir.

Manakan tidak, majlis yang dihadiri itu bukanlah upacara perkahwinan biasa tetapi sebaliknya upacara *minghun* atau perkahwinan hantu.

Upacara itu dilakukan dengan mengahwinkan mayat si mati dengan mayat gadis terpilih dengan harapan mereka akan saling jatuh cinta dalam kehidupan selepas kematian.

Jika mayat tidak dapat disediakan, jasad mereka boleh diganti dengan patung yang diperbuat daripada biskut khas.



JIKA mayat tidak dapat disediakan, jasad mereka boleh diganti dengan patung yang diperbuat daripada biskut khas.

Upacara itu dilakukan dengan mengahwinkan mayat si mati dengan mayat gadis terpilih dengan harapan mereka akan saling jatuh cinta dalam

Menurut kepercayaan, amalannya bermula selepas kebanyakan masyarakat komuniti Cina di Asia percaya bahawa seorang lelaki tidak akan masuk ke syurga sekiranya dia mati sebelum berkahwin.

Mereka juga percaya, jiwa lelaki itu tidak tenteram dan akan berkeliaran di dunia.

Dengan erti kata lain, selagi mayat si mati tidak dikahwinkan dengan mana-mana mayat perempuan, roh mereka akan hidup bersendirian dan terus-menerus menghantui saudara-mara yang masih hidup.

Justeru, bagi menenangkan jiwa mereka, ahli keluarga perlu menjodohkan mana-mana mayat perempuan untuk dijadikan isteri si mati.

Dalam kes Yee San, dia berusia 60 tahun dan masih bujang ketika meninggal dunia manakala Lean Hua mati selepas ibunya mengalami keguguran pada peringkat awal kehamilan.

Uniknya, sambutan upacara tradisi pelik ini diraikan sama seperti majlis perkahwinan mempelai yang masih hidup.

Pasangan pengantin yang tidak bernyawa itu akan dipakaikan baju tradisional daripada fabrik sutera mahal, disolek dan didandan kemas serta dijamu dalam satu majlis jamuan makan.

Tidak terhenti di situ, keluarga pengantin lelaki turut memberikan hadiah berupa wang tunai kepada sanak saudara pengantin perempuan sebagai tanda meraikan tali persaudaraan



ROH si mati dipercayai lebih tenang jika mereka dikahwinkan.

yang baru terjalin itu.

Pasangan pengantin kemudiannya akan ditanam semula bersama-sama sebaik sahaja selesai majlis bersanding.

Berdasarkan catatan, upacara perkahwinan hantu itu mula diamalkan sejak abad ke-17 lagi.

Replika kertas

Menurut pakar upacara Cina daripada Universiti Shanghai, China, Prof. Huang Jingchun, masyarakat di negara itu percaya bahawa kehidupan orang mati pada dasarnya sama dengan kehidupan di dunia.

Justeru, katanya, si mati akan dibekalkan dengan pelbagai barangan keperluan seperti wang, makanan dan alat kelengkapan rumah termasuk televisyen, peti ais, mesin basuh dan banyak lagi.

Menariknya, semua barangan itu hanyalah replika yang diperbuat

dari kertas.

Ia dibakar dalam satu upacara khas sebagai simbolik menghantar barangan berkenaan ke alam lain.

Bagaimanapun, upacara yang berusia beratus-ratus tahun itu menelan belanja yang besar dan lazimnya tidak mampu dibiayai oleh keluarga miskin.

Kata Jingchun, bagi keluarga yang berada, mereka akan membeli mayat perempuan daripada pasaran gelap pada harga yang sangat mahal.

“Di China, permintaan terhadap mayat wanita bujang agak tinggi. Satu-satu mayat boleh memecah harga RM100,000 jika mayat masih dalam keadaan baik. Jika mayat itu telah reput atau busuk, ia dijual pada harga lebih murah.

“Bagi keluarga miskin, mereka akan menggunakan patung biskut yang menyerupai manusia. Walaupun tidak seberapa, mereka berpuas hati kerana dapat meneruskan amalan nenek moyang,” jelasnya. - NOR IDAYU BOSRO



REPLIKA barangan yang diperbuat daripada kertas akan dibakar sebagai simbolik menghantar barangan berkenaan ke alam lain.



PASANGAN pengantin dirai seperti mempelai yang masih hidup.

kehidupan
selepas
kematian

JINGCHUN